

PERSPEKTIF BAHARU TENTANG KERANGKA HISTORIOGRAFI UNTUK MENKAJI WARISAN LINGUISTIK BAHASA MELAYU

(A New Perspective on the Historiographical Framework for the Study of the Malay Linguistic Heritage)

Mohd Tarmizi Hasrah
h.tarmizi@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06010
Sintok, Kedah, Malaysia.

Rujukan makalah ini (To cite this article): Mohd Tarmizi Hasrah. (2026). Perspektif baharu tentang kerangka historiografi untuk mengkaji warisan linguistik bahasa Melayu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 19(2), 303–330. [https://doi.org/10.37052/jm.19\(2\)no5](https://doi.org/10.37052/jm.19(2)no5)

Peroleh: <i>Received:</i>	2/3/2026	Semakan: <i>Revised</i>	22/7/2026	Terima: <i>Accepted:</i>	29/7/2026	Terbit dalam talian: <i>Published online</i>	31/7/2026
------------------------------	----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	---	-----------

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double-blind peer review process*)

Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk mengemukakan perspektif baharu tentang kerangka historiografi bagi mengkaji warisan linguistik bahasa Melayu berasaskan ungkapan reti bahasa sebagai teras falsafah, teori dan metodologi beracuan watan. Persoalan utama yang dibangkitkan ialah kegagalan historiografi linguistik sedia ada dalam menangani ketulenan warisan keilmuan bahasa Melayu akibat dominasi fahaman universalisme Barat dan keterbatasan metodologi yang hanya tertumpu pada tokoh atau naskhah tertentu. Berasaskan perspektif pemeribumian ilmu, kajian ini menerapkan perungkaian semantik, penjejakan etimologi dan analisis lapangan makna untuk merekonstruksi konsep bahasa dalam kebudayaan Malayonesia. Dapatan menunjukkan bahawa konsep bahasa dalam acuan kebudayaan tersebut tidak terbatas pada struktur tatabahasa semata-mata, sebaliknya turut merangkumi juzuk pemikiran, adab dan kelakuan penutur. Berdasarkan dapatan tersebut, konsep tahu bahasa yang dikemukakan oleh Hassan (2016) diperluaskan kepada reti bahasa yang mengandungi empat teras utama, iaitu tatabahasa, tatafikir, tatalaku dan tataberbahasa. Kerangka ini menyatukan dimensi teknis linguistik dengan dimensi kognisi, psikologis dan moraliti, sekali gus berpotensi menjadi asas untuk menilai

semula linguistik kontemporari serta memperkaya pemahaman terhadap warisan linguistik peribumi. Di samping itu, kerangka ini berpotensi menyumbang kepada pembentukan dasar kebudayaan negara dan memperkuat hubungan antara bahasa, budaya dan ilmu. Kesimpulannya, reti bahasa menawarkan suatu perspektif linguistik yang “tidak biasa” kerana berakar pada jati diri kebudayaan asli dunia Malayonesia.

Kata kunci: Bahasa Melayu, falsafah bahasa, historiografi linguistik, linguistik beracuan watan, pemeribumian ilmu.

Abstract

This article proposes a new perspective on a historiographical framework for studying the Malay linguistic heritage, grounded in the concept of reti bahasa as a locally rooted philosophical, theoretical, and methodological foundation. The main issue addressed is the inadequacies of existing linguistic historiography in accounting for the authenticity of the Malay linguistic intellectual heritage, owing to the dominance of Western universalistic thinking and methodological limitations that focus only on particular figures or texts. Adopting an indigenisation of knowledge perspective, this study employs semantic deconstruction, etymological tracing and semantic field analysis to reconstruct the concept of bahasa within the Malayonesian cultural tradition. The findings demonstrate that the concept of bahasa within this cultural framework extends beyond grammatical structure to encompass thought, human conduct and language use. Building on Hassan's (2016) concept of tahu bahasa, the study develops the broader concept of reti bahasa, comprising four principal dimensions: tatabahasa (grammar), tatafikir (thought), tatalaku (moral conduct), and tataberbahasa (language use). This framework integrates the technical dimension of linguistics with cognitive, psychological, and moral dimensions, thereby providing a foundation for reassessing contemporary linguistics while enriching understanding of indigenous linguistic heritage. In addition, the framework has the potential to contribute to the formulation of national cultural policy and strengthen the relationship between language, culture, and knowledge. In conclusion, reti bahasa offers an “unusual” perspective on linguistics because it is rooted in the cultural identity of the indigenous Malayonesian world.

Keywords: Malay language, philosophy of language, linguistic historiography, locally rooted linguistics, indigenisation of knowledge.

PENDAHULUAN

Menoleh kepada kerja-buat linguistik bahasa Melayu menunjukkan terdapat sekurang-kurangnya dua pertanyaan asasi yang perlu dirungkaikan segera iaitu (i) adakah linguistik bahasa Melayu dapat digolongkan sebagai warisan keilmuan yang bitara kerana paksinya beracuan peribumi? dan (ii) adakah suatu cabang dalam pengelasan ilmu linguistik bahasa Melayu yang dapat dirumuskan sebagai falsafah bahasa Melayu dan falsafah linguistik bahasa Melayu? (Mohd Tarmizi, 2025). Hakikatnya ialah kedua-dua pertanyaan tersebut ternyata masih belum berupaya ditangani secara tuntas (Hassan, 2016; Shahrir, 2022; Munif, 2024; Mohd Tarmizi, 2025). Sebabnya bukan sekadar berpaksi pada bahana kecenderungan universalisme dalam linguistik moden yang mengambil tempat dengan kukuh pasca tahun 1916 yang ditandai dengan penerbitan *Cours de linguistique generale* oleh Ferdinand de Saussure, ataupun selepas perang dunia kedua yang secara khusus menandakan keberadaan secara rasmi kurikulum linguistik moden di Malaya dan Indonesia yang sudah tentunya berakar terutama pada *Cours de linguistique generale* itu, serta *Language*, karya Leonard Bloomfield yang terbit pada 1933, selain tentunya *Syntactic Structures* mahupun *Aspect of the Theory of Syntax*, yang kedua-duanya dikarang oleh Noam Chomsky pada 1957 dan 1963, bahkan termasuk juga karya-karya penting linguistik yang lain, sama ada yang dikarang lebih awal oleh Wilhelm von Humboldt dan Hermann Paul, mahupun yang sezaman dengan Saussure dan Chomsky iaitu oleh Edward Sapir, Zellig Harris, Louis Hjelmslev serta Joseph Greenberg dan William Labov.

Antara sebab lain yang menyumbang kepada ketiadaan upaya untuk menangani dua pertanyaan asasi yang dibangkitkan ialah tipisnya usaha yang teliti dan terperinci lagi sistematik bagi menyelongkar segala khazanah kepengarangan tentang bahasa Melayu. Terkait dengan ehwal tersebut kajian historiografi bahasa dan persuratan Melayu ataupun karya yang membicarakan perihal sejarah bahasa Melayu sebagai umpamanya lebih tertumpu kepada pemaparan dan perbincangan yang berkaitan dengan kejadian dan perkembangan sesuatu peristiwa dalam sejarahnya sejak terbentuk Kedatuan Sriwijaya (Teeuw, 1959, 1966; Nik Safiah, 2010; Collins, 2016, 2018; Karim, 2006, 2017). Maka, karya-karya berkenaan sekadar membicarakan perihal tokoh-tokoh tertentu dan sumbangannya terhadap pemerksaan dan kemajuan bahasa, serta persuratan Melayu. Hal yang menjadi fokus perbincangannya mencakupilah tokoh watan mahupun tokoh luar negeri yang menulis tentang bahasa dan persuratan Melayu bermediumkan bahasa Melayu mahupun bahasa natif tokoh-tokoh luar negeri itu sendiri. Sekadar itulah pemerian yang ditampilkan, tanpa diikuti dengan pertanyaan lanjut yang dapat mengarahkan daya penglihatan, pencerapan dan daya intelektual yang menghala kepada

pembongkaran tentang aspek ketulenan ilmu yang dirumuskan dan diterbitkan oleh tokoh-tokoh berkenaan dalam memastikan warisan linguistik bahasa Melayu adalah berbeza dengan linguistik yang terbangun serta diamalkan dalam tradisi keilmuan linguistik lain, sama ada perbezaan yang dimaksudkan adalah dari segi falsafah, teori mahupun metodologi yang mendasari kerja-buat linguistik tersebut.

Selain itu, yang juga menjadi tumpuan dalam kajian historiografi bahasa dan persuratan Melayu adalah terkait dengan penelitian tentang perkembangan bahasa dari zaman ke zaman. Untuk ehwal ini, pendekatan analisis yang diterapkan ialah kaedah penzamanan (penjangkalaan), yang merupakan kaedah lazim dalam ilmu sejarah dan kajian ketamadunan (Le Goff, 2014). Dengan kaedah tersebut, maka dibahagikanlah perkembangan bahasa dan persuratan Melayu mengikut zaman-zaman tertentu. Umpamanya ialah Kuno, Klasik dan Moden; Pra-Kolonial, Kolonial dan Pasca-Kolonial; Pra-Islam, Islam, Kolonial dan Pasca-Kolonial; lihat antaranya Teeuw (1959) dan Collins (2018) yang menerapkan kaedah penzamanan dalam kajian mereka. Pembahagian mengikut zaman dilakukan salah satunya disebabkan oleh keberadaan pengaruh dalaman dan pengaruh luaran yang membuatkan bahasa dan persuratan Melayu berbeza dari satu zaman ke zaman yang lain, dengan wawasan zaman baharu lebih baik berbanding dengan zaman sebelumnya sejajar dengan keyakinan yang terkandung dalam diktum “*the idea of progress*” (Le Goff, 2014). Hakikatnya ialah pertanyaan yang ditimbulkan pada awal makalah ini sangat penting terutamanya jika dikenakan terhadap kemahuan untuk melihat linguistik bahasa Melayu dengan cerapan yang ‘tidak biasa’, jikalau meminjam istilah Shaharir (2010b) yang membandingkan sains ‘biasa-biasa’ dengan sains yang ‘tidak biasa.’ Dengan kelihan yang dipasakkan pada perspektif sains yang ‘tidak biasa’, maksudnya ialah kelihan yang meletakkan kebudayaan sendiri sebagai acuan kepada penerbitan ilmu dan sains bahasa Melayu.

Persoalannya ialah kenapakah karya historiografi bahasa Melayu gagal tiba pada pertanyaan seperti yang dibangkitkan? Mohd Tarmizi (2025) mengemukakan sekurang-kurangnya dua hal yang boleh dipertimbangkan sebagai jawapannya. Pertama, karya-karya berkenaan hanya memilih tokoh-tokoh yang sekadar menulis tentang bahasa Melayu secara khusus seperti yang tertera pada judul karangan mereka. Oleh itu, karya-karya historiografi bahasa Melayu hanya menelaah tokoh-tokoh dan teks-teks yang judulnya secara jelas menyatakan kandungannya tentang bahasa Melayu. Kedua, metodologi yang diterapkan dalam karya-karya historiografi berkenaan hanya berkisar pada konsep kesinambungan dan iklim idea (Koerner, 1978, 1989). Penerapan konsep tersebut bukan menjadi masalah jikalau perspektif pengkaji tidak dipengaruhi oleh ideologi dan fahaman tertentu, tetapi menerapkannya tanpa dibelenggu batas zaman, ideologi dan pemikiran. Yang menjadi masalahnya adalah apabila metodologi yang diterapkan dipengaruhi oleh hal-hal yang dinyatakan sebagaimana yang diulas oleh Aarsleff (1970) tentang bias dalam pengkajian historiografi linguistik. Pengaruh sedemikian tidaklah

menghairankan kerana ianya dapat dikatakan terimplikasi secara tidak langsung menerusi pandangan Kuhn (1995) tentang fasa sains biasa (*normal science*). Dalam hal ini, Kuhn menegaskan bahawa kewibawaan sesuatu pegangan ilmu dibentuk melalui ijmak kukuh (konsensus) dalam kalangan komuniti saintifik sehingga pegangan tersebut menjadi sebuah paradigma atau kerangka pemikiran yang diyakini secara bersama, sekali gus memandu tradisi kajian dan penyelesaian masalan bagi ilmuwan sekepakaran. Ijmak kukuh yang dibalut dengan keyakinan inilah akhirnya mengimplikasi bias seperti yang dapat ditafsirkan daripada kupasan Aarsleff.

Kesinambungan dan iklim idea yang dipengaruhi oleh batas zaman umpamanya melihat warisan linguistik bahasa Melayu moden hanya bermula setelah Za'ba menerbitkan *Pelita Bahasa Melayu* dalam tahun 1940-an; atau mungkin setelah Universiti Malaya (sebagai universiti tertua di Malaya) juga Universitas Indonesia memperkenalkan kursus linguistik berteraskan kepada kerangka linguistik moden Barat; atau, selepas penerbitan *Tatabahasa Dewan* serta *Nahu Melayu Mutakhir* (dalam konteks Malaysia) pada sekitar tahun 1980-an yang berpaksikan teori dan metodologi linguistik arus perdana pada zamannya. Sebab yang mendasari hemat yang terakhir itu ialah falsafah, teori dan metodologi di sebalik kedua-dua karya tersebut dianggap sangat canggih dan terkini kemudian diteguhkan pula dengan kewibawaan institusi yang menetapkan keperluan pemerkasaan bahasa Melayu menerusi kejuruteraan bahasa yang menatijahkan pempiaawaiannya.

Pengaruh ideologi dan pemikiran pula umpamanya beranggapan bahawa linguistik bahasa Melayu mencapai taraf kemodenan apabila dalam korpusnya bermunculan istilah-istilah seperti struktur (*structure*), sistem (*system*) dan transformasi (*transformational*). Maksudnya ialah pemakaian istilah-istilah tersebut dalam sebarang kajian kebahasaan menunjukkan linguistik bahasa Melayu mula diserapi oleh fahaman seperti strukturalisme (ala Saussurean, Bloomfieldan dan lain-lain) mahupun generativisme (ala Chomskyan). Walau bagaimanapun pengaruh tipologisme-strukturalisme-universalisme ala Greenbergian tidak begitu menyerlah di rantau Alam Melayu. Hal ini barangkali disebabkan oleh betapa berleluasanya pengaruh fahaman strukturalisme dan generatifisme sebagai jalur utama terutama di Malaysia. Sebabnya ialah ramai kalangan bahasawan (ahli linguistik) watan yang belajar ke luar negeri yang meyakini akan kecanggihan dan keperkasaan teori dan pendekatan yang terbit daripada isme-isme tersebut. Apabila pulang, mereka lantas mendendangkan irama yang dialunkan oleh isme-isme tersebut. Dengan kata lain, linguistik bahasa Melayu mula memasuki era moden setelah pengkajian bahasa Melayu berjinak-jinak dengan istilah-istilah strukturalisme dan generativisme, termasuk juga fungsionalisme. Dapat dilihat bahawa sangat mudah untuk mendapat gelaran moden, yakni ambil sahaja istilah-istilah baharu dan canggih yang diperkenalkan dalam linguistik semasa, dan serapkan dalam bidang linguistik bahasa Melayu yang sedia ada, maka modenlah bidang tersebut.

Persoalannya jika benar demikian, bagaimanakah dengan Raja Ali Haji yang telah menulis dua kitab nahu bahasa Melayu pada pertengahan abad ke-19, iaitu *Bustan al-Katibin* dan *Kitab Pengetahuan Bahasa*? Adakah nahu yang dibangunkan oleh Raja Ali Haji dalam kedua-dua kitab tersebut yang sarat dengan tatanama bahasa Arab selain penerapan metodologi leksikografi yang aneh terhadap bahasa Melayu tidak menjadikan linguistik bahasa Melayu mencapai tahap moden seperti yang dilecehkan oleh Teeuw (1961) umpamanya? Begitu juga dengan kitab *Petuturan Melayu* yang dikarang oleh Abdullah Abdur Rahman, *Jalan Basa Melayu* oleh Said Sulaiman dan *Lidah Melayu* oleh Ahmad Ya'kub al-Johori, adakah pemerian kitab nahu tersebut juga tidak tercakup dalam linguistik moden? Bagaimanakah pula kedudukan *Pelita Bahasa*, karya agung Za'ba itu? Wajarkah semua karya tersebut hanya dianggap sebagai nahu yang berparadigma klasik dan tradisional, dan kalau tidak pun, kuno? Sudah barang tentunya tidak demikian. Masalahnya ialah mengapakah fakta yang ada menunjukkan keadaan yang sebaliknya, yakni seperti yang terkandung dalam Teeuw (1961) ketika beliau mengulas kedua-dua karya Raja Ali Haji itu?

Maka, hal ini membawa kepada persoalan yang lebih asas, yakni apakah ukuran kemodenan dalam linguistik bahasa Melayu? Jikalau diperhatikan terhadap karya-karya grafisejarah linguistik bahasa Melayu, yang dimaksudkan dengan 'moden' tentunya merujuk kepada falsafah, paradigma, teori, pendekatan dan metodologi yang asasnya terpasak kemas pada istilah-istilah seperti struktur, sistem, transformasi, generatif, fungsian dan lain-lain. Maka, konsep moden dan kemodenan dalam linguistik bahasa Melayu memerlukan penyahbinaan (dekonstruksi) kembali agar bagasi maknanya lebih mesra kepada warisan keilmuan yang lebih bersifat *juz'i* atau watan, serta tidak hanya tertakluk pada yang *kulli* atau universal yang tentunya berkiblatkan kepada warisan linguistik Eropah dan Amerika Syarikat. Maksud *juz'i* dan watan yang digunakan dalam frasa tersebut ialah penerbitan ilmu yang lebih mesra kepada sistem nilai, pandangan dunia dan kebudayaan tertentu walaupun ianya bersifat pinggiran dan primitif sekalipun (Shaharir, 2012).

Soalnya, bagaimanakah meluruskan keherotan sudut pandang yang berakar kini? Semua karya yang dinyatakan di atas sememangnya secara jelas mengandungi judul yang berhubungan terus dengan bahasa dan tatabahasa Melayu. Akan tetapi, bagaimanakah pula dengan karya-karya yang mempunyai judul yang tidak berkaitan dengan bahasa dan tatabahasa Melayu? Kewujudan karya-karya sebegitu tentunya lebih merumitkan. Hal ini dikatakan demikian kerana penilaian terhadapnya mestilah melibatkan pembacaan dari kulit ke kulit. Setelah itu, baharulah kandungannya dapat dikenal pasti dengan lebih tepat. Disebabkan judulnya tidak mempunyai kaitan dengan bahasa dan tatabahasa Melayu, maka ramai tokoh penting pun terabai. Sheikh Ahmad al-Fathani merupakan salah seorang daripadanya (Wan Mohd Saghir, 2005; Mohd Tarmizi

Hasrah, 2025). Dalam konteks inilah terletaknya masalah metodologi yang dimaksudkan dalam penyelidikan historiografi linguistik bahasa Melayu justeru memerlukan perspektif watan agar penilaian dan rumusan tentangnya dapat dibuat dengan lebih adil. Yang menghairankan ialah masalah tersebut tidak pula berlaku terhadap karya-karya yang dihasilkan oleh para petualang dan ilmuwan Eropah tentang bahasa Melayu. Lihat sahaja deretan kajian Collins (1992, 1995, 2004) serta Collins & Karim (2023) yang menjadikan karya-karya yang langsung tidak menyentuh aspek kebahasaan sebagai lombong data linguistik yang berharga termasuk terjemahan Injil.

Ternyata segala masalah dan keherotan yang disebutkan terkait dengan ketiadaan suatu kerangka yang boleh dianggap sebagai berdaya mengkaji warisan linguistik bahasa Melayu secara adil. Jikalau historiografi linguistik bahasa Melayu mempunyai kerangka yang khusus yang dibangunkan atas lahan kebudayaan sendiri, dengan kata lain beracuan sendiri, maka sudah barang tentunya kerangka berkenaan berdaya menangani masalah historis yang dibangkitkan justeru menyerlahkan kebitaraan perspektif yang ditawarkan oleh warisan linguistik bahasa Melayu dalam memeri, mentafsir dan memahami hakikat bahasa Melayu. Hal ini tentunya bukan sekadar menangani masalah dan keherotan dalam historiografi linguistik bahasa Melayu, tetapi kerangka berkenaan mempunyai potensi untuk menerbitkan linguistik bahasa Melayu sebagai warisan keilmuan yang beracuan sendiri, maka berpotensi untuk dikembangkan sebagai wahana dialog kritis terhadap linguistik moden bagi tujuan kritikan ilmu (Shaharir, 2014). Dengan kewujudan kerangka tersebut juga, kemampuannya bukan sahaja dihalakan bagi menambah baik hal-hal yang dinyatakan di atas, tetapi turut menyumbang kepada pewujudan kesedaran dalam kalangan masyarakat awam mengenai hubungan bahasa dengan budaya dan ilmu, seperti yang pernah ditegaskan dengan bitaranya umpamanya oleh Shaharir (2014) dan Hassan (2016). Kesedaran tersebut pasti memberi impak kepada pembentukan dasar kebahasaan dan kebudayaan negara, selain turut meluruskan perspektif rakyat Malaysia mengenai hal-hal kebahasaan seperti tulisan Jawi serta kepentingan bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa lain untuk kekal bersama ke arah pembentukan Bangsa Malaysia yang bersatu padu berpaksikan kepada keakraban semantik yang bertunjang kepada bahasa Melayu yang murni.

RETI BAHASA

Maka, makalah ini berhajat menelusuri kemungkinan membangunkan sebuah kerangka historiografi yang di dalamnya terkandung falsafah, teori dan metodologi yang mungkin berdaya mengibarkan panji warisan linguistik bahasa Melayu beracuan tempatan ke arah mengukuhkan asas pendidikan, amalan dan perumusan sikap kebahasaan di Malaysia yang lebih ‘berjurus’ (Mohd Tarmizi, 2025). Namun

begitu, makalah ini bukanlah membicarakan keutuhan kerangka berkenaan secara muktamad kerana yang dibentangkan hanyalah idea, dan kemungkinan rangka kerja atau atur cara penyelidikan ke arah pelahirannya. Kupasan yang lebih muktamad tentang kerangka tersebut akan dikemukakan dalam artikel lain yang sedang diusahakan. Kerangka yang dimaksudkan dalam makalah ini digelar sebagai *reti bahasa* yang dibina dan dirumuskan berasaskan kepada tanggapan ringkas tentangnya yang terkandung dalam Hassan (2016) dan Mohd Tarmizi Hasrah (2025).

Sedikit penggaluran sejarah yang memungkinkan penerbitan *reti bahasa* yang dimaksudkan. Dalam Bab 1 karya berjudul *Bahasa dan Pemikiran Melayu*, Hassan (2016) ada memperuntukkan sebuah tajuk kecil bagi membincangkan suatu gejala yang disebutnya sebagai kecekapan berkomunikasi. Gejala tersebut ditakrifkan oleh Hassan sebagai “kebolehan atau kepandaian manusia menggunakan bahasa yang betul *dari segi fungsi sosialnya* dalam masyarakat” (frasa condong yang asal). Ertinya ialah kepandaian penutur sesebuah bahasa untuk menuturkan bahasanya dengan murni dinilai berdasarkan kebolehannya menggunakan bahasa mengikut konteks, yakni dengan siapa dia bercakap dan di mana percakapan tersebut terjadi. Hal itu adalah kalau mengikut istilah yang diberikan oleh ahli sociolinguistik terkemuka, Dell Hymes, yang juga menjadi rujukan utama Hassan dalam kupasan beliau. Akan tetapi, tegas Hassan selanjutnya, bahasa Melayu mempunyai istilah yang lebih baik untuk menyatakan konsep kecekapan berkomunikasi yang dimaksudkan oleh Hymes. Dikatakan lebih baik kerana nuansa makna yang terkandung dalam istilah berkenaan lebih mendalam berbanding dengan istilah yang diperkenalkan oleh Hymes. Istilah yang dimaksudkan oleh Hassan ialah *tahu bahasa* serta lawan yang selalu menyertainya iaitu *tidak tahu bahasa*.

Hassan Ahmad mentakrifkan *orang yang tahu bahasa* sebagai seseorang yang tidak memiliki kepakaran dalam bidang linguistik, atau dalam apa-apa bidang yang ada hubungan dengan bahasa dan kebahasaan. Dia juga bukan ahli dalam tatabahasa bahasa Melayu. Walaupun tidak memiliki keahlian dalam bidang-bidang tersebut, dia tetap tahu menggunakan bahasa yang betul dan tepat khususnya dari segi dua fungsi, iaitu fungsi sosial dan fungsi adat. Segi fungsi sosial menyamai makna yang terkandung dalam istilah kecekapan berkomunikasi yang disinggung tadi. Yakni, fungsi tersebut merujuk kepada seseorang yang tahu menggunakan bahasa sesuai dengan konteks. Jika dia bercakap dengan seseorang yang lebih tua, dia tahu membahaskan dirinya sebagai ‘saya’ ataupun hanya namanya, serta memanggil lawan bicaranya dengan gelar-gelar tertentu umpamanya gelar yang mematuhi sistem panggilan bahasa Melayu. Selain itu, kalau dia sedang menyampaikan syarahan dalam sebuah dewan kuliah misalnya, dia tahu memilih laras bahasa yang sesuai dengan keadaan ketika itu yang menuntutnya untuk berbahasa rasmi.

Segi fungsi adat ternyata lebih menarik. Hal ini dikatakan kerana segi tersebut hanya terungkap secara tersirat dalam konsep kecekapan berkomunikasi yang

diberikan oleh Hymes, sebaliknya dinyatakan secara jelas dalam huraian Hassan tentang *tahu bahasa*. Apakah yang dimaksudkan oleh Hassan dengan segi tersebut? Secara ringkas, menurut Hassan, fungsi adat merujuk kepada penggunaan bahasa yang tidak biadab, kurang ajar selain sarat dengan kata-kata kesat. Ertinya ialah seseorang yang *tahu bahasa* dari segi fungsi ini tahu bahawa bahasa mengandungi adat-adat tertentu yang diikat dengan nilai masyarakat. Ferdinand de Saussure (dlm. Joseph, 2012) menyatakan bahasa mengandungi *nilai* (*valeur*) dibentuk daripada lambang-lambang bahasa (bunyi, perkataan, kalimat) yang memiliki sistem pembeza. Sebagai contoh, bunyi [b] berbeza dengan bunyi [p] disebabkan keupayaannya untuk membezakan makna dalam perkataan [bagi] dan [pagi]. Idea tentang *nilai* yang dinukilkan oleh Saussure dapat juga dikembangkan bagi memaksudkan lakuan bahasa yang mematuhi norma masyarakat. Sebagai contoh, jika sesebuah masyarakat menganggap kata-kata seperti 'butuh' sebagai biadab dan tabu, maka pengguna bahasanya tidak boleh menggunakan perkataan tersebut secara sembarangan.

Perihal *nilai* yang terpatri dalam sistem linguistik dikupas secara berfalsafah oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (2007) menerusi konsep keadilan dan adab terhadap bahasa justeru berkaitan secara langsung dengan fungsi sosial dan adat. Walaupun yang ditumpukan oleh al-Attas adalah tentang makna dan kebermaknaan, khususnya mengenai pemilihan perkataan yang mengandungi makna yang tepat bagi mengungkapkan sesuatu benda, kelakuan, sifat dan peristiwa, namun adab terhadap bahasa juga tercakup penggunaan bahasa yang peka konteks. Sebabnya ialah kepekaan kepada konteks menatijahkan pemilihan perkataan untuk dirangkaikan menjadi kalimat supaya setiap perkataan yang dipilih dan setiap ayat yang dibina diletakkan pada tempatnya yang betul, lantas menghasilkan makna yang tepat dengan lakuan bahasa yang dizahirkan.

Kebalikan daripada *tahu bahasa* ialah *tidak tahu bahasa*. Menurut Hassan (2016:6), orang yang tidak tahu bahasa ialah "...orang yang tidak tahu adat bahasa". Beliau mengambil contoh salah satu peristiwa dalam *Hikayat Hang Tuah* bagi menonjolkan makna *tidak tahu bahasa* ini. Yakni, peristiwa ibu bapa yang ingin menyerahkan Hang Tuah kepada bendahara dengan titipan pesan bahawa anak mereka "tidak tahu bahasa" yang membawa maksud "tidak mengetahui adat resam, budaya perilaku baik." Jelas Hassan lagi, seseorang yang *tidak tahu bahasa* barangkali mengujarkan bahasa yang betul dari segi jalan tatabahasa tetapi "...salah dari segi adat berbahasa." Adat berbahasa di sini merujuk kepada penggunaan bahasa yang semberono atau pukul rata. Sebagai contoh, seseorang menggunakan kata ganti nama diri orang pertama *aku* kepada semua lawan bicara termasuk ibu bapa dan orang yang lebih tua. Atau, seseorang yang dipengaruhi oleh sistem bahasa Inggeris, lalu menggunakan ungkapan *I* dan *you* ketika bercakap dengan ibu bapa. Penggunaan seperti tersebut sememangnya betul dari segi struktur tatabahasa, tetapi salah dari segi adat dan

kelaziman budaya Melayu umpamanya ataupun mana-mana bahasa yang sangat memberatkan sistem honorifik seperti yang terdapat dalam bahasa Jepun dan bahasa Korea.

Bagaimanakah idea mengenai *tahu/tidak tahu bahasa* timbul dalam pemikiran Hassan? Hassan tidak membicarakan perkara tersebut dengan jelas. Maksudnya ialah beliau tidak menyatakan sumber yang mengilhamkannya untuk menyinggungnya melainkan sekadar membalikkan idea tersebut kepada ungkapan semisal “bahasa jiwa bangsa.” Menurut Hassan (2016:4), maksud “bahasa jiwa bangsa” secara jelas menyatakan “jiwa atau fikiran, perasaan dan emosi Melayu dibentuk oleh satu ragam bahasa, iaitu bahasa “Melayu kebangsaan” yang merentas segala sempadan dan perbezaan dialek daerah dan sosial”. Dengan kata lain, *tahu/tidak tahu bahasa* yang sarat dengan fungsi sosial dan fungsi adat berbahasa itu sebenarnya dibentuk menerusi pematuhan terhadap tatabahasa dan tataberbahasa bahasa “Melayu kebangsaan,” atau bahasa yang piawai digunakan oleh seluruh jiwa Melayu dan jiwa yang menganut budaya Melayu; hal ini termasuk juga jiwa yang mematuhi aturan tertinggi negara-negara yang mengakui bahasa Melayu sebagai bahasa pemersatu dan bahasa negara walaupun jiwa itu bukan lahir daripada alur fitrahnya yang ternurani.

Huraian tersebut menegaskan bahawa *tahu/tidak tahu bahasa* terbit daripada jiwa penutur bahasa Melayu yang dibentuk oleh sistem bahasanya seperti mana yang ditegaskan oleh wawasan tentuisme linguistik serta yang kurang sedikit ekstremnya iaitu kenisbian linguistik. Seperti yang dibincangkan oleh Hassan, kedua-dua wawasan ini sememangnya mendakwa bahawa bahasa manusia merupakan acuan yang membentuk jiwa dan pemikiran penuturnya. Dengan erti kata lain, bahasa menjadi cermin yang membolehkan manusia melihat dan mencerap dunia; tanpa bahasa, maka manusia berada dalam kegelitaan yang gelemak. Dari situ, jiwa dan pemikiran manusia Melayu umpamanya yang bertutur dalam bahasa Melayu terbentuk, dan dengan jiwa serta pemikiran itulah dia memahami dunia. Maka, *tahu/tidak tahu bahasa* sebenarnya bukan sekadar kecekapan linguistik dan pragmatik, yakni dalam pengertian kecekapan berbahasa yang menurut aturan tatabahasa dan aturan tataberbahasa, tetapi berkait erat dengan kelakuan atau perilaku penuturnya. Kaitan yang terakhir ini malangnya tidak dibincangkan oleh Hassan kerana beliau sekadar membicarakan *tahu/tidak tahu bahasa* dari segi fungsi sosial dan fungsi adat. Mungkin kaitan ini ada terungkap secara implisit khususnya yang melibatkan segi fungsi adat, tetapi beliau tidak meneruskan perbincangan mengenainya dengan lebih terperinci dan eksplisit.

Hemat makalah ini ialah kaitan *tahu/tidak tahu bahasa* dengan kelakuan atau perilaku penutur sangat penting. Dalam salah satu rencana yang diterbitkan dalam *Dewan Bahasa*, Mohd Tarmizi (2022) pernah membincangkan isu hubungan bahasa dengan akhlak. Dalam rencana tersebut, diteroka satu soalan yang dirasakan penting, iaitu adakah bahasa yang dituturkan oleh manusia mempengaruhi akhlak

penuturnya? Soalan tersebut dibangkitkan hasil daripada renungan pantun “yang kurik itu kundi, yang merah itu saga, yang baik itu budi, yang indah itu bahasa.” Dua baris terakhir pantun tersebut sememangnya mengandungi maksud hubungan bahasa dengan akhlak. Daripadanya satu hipotesis disembulkan bahawa bahasa sememangnya berdaya mempengaruhi kelakuan, perilaku dan akhlak penuturnya. Mohd Tarmizi (2022) juga ada membawakan renungan terhadap ungkapan yang dinukilkan oleh George Steiner (2012), bahawa sesempurna mana sekalipun pematuhan manusia terhadap aturan tatabahasa dan tataberbahasa sesebuah bahasa tertentu belumlah bererti kelakuan, perilaku dan akhlak penuturnya baik dan elok. Dalam hal ini Steiner kerap menjadikan Adolf Hitler dan para pendokongnya termasuk para soldadu SS yang membaca Goethe, Schiller, Rilke dan Nietzsche, selain mendengar Beethoven, Mozart, Schubert dan Liszt pada sebelah pagi, tetapi menghumban ribuan manusia dalam kem konsentrasi pada sebelah petang. Lalu, daripadanya dilontarkan hipotesis lain yang bertentangan dengan hipotesis pertama, yakni bahasa yang dituturkan oleh manusia tidak ada kena-mengena dengan pembentukan perilaku dan akhlak penuturnya.

Persoalan hubungan bahasa dengan akhlak sepatutnya diangkat dalam perbincangan tentang konsep *tahu/tidak tahu bahasa*. Walaupun ehwal tersebut dapat ditafsirkan secara tersirat menerusi fungsi adat yang dibincangkan oleh Hassan, namun beliau tidak mengembangkannya sebagai suatu dimensi yang tersendiri. Hal ini menyebabkan perbincangan yang ditampilkannya masih belum berdaya memberikan gambaran menyeluruh terutama tentang hubungan bahasa dengan perihal moraliti manusia. Oleh itu, makalah ini berhasrat untuk memperluaskan konsep *tahu/tidak tahu bahasa* yang dikemukakan oleh Hassan. Namun begitu, makalah ini tidak menggunakan ungkapan *tahu/tidak tahu bahasa*, sebaliknya menampilkan ungkapan *reti/tak reti bahasa* (Mohd Tarmizi, 2025). Pemilihan ungkapan ini dibuat berasaskan tiga pertimbangan yang saling melangkapi iaitu etimologi, semantik dan sosiolinguistik.

Dari sudut etimologi, perkataan *reti* (yang merupakan bentuk metatesis daripada perkataan bahasa piawai *erti*) berasal daripada bahasa Sanskrit *artha*. Menurut Monier-Williams (1872:83), *artha* mempunyai medan makna yang luas, antaranya objek, tujuan, sebab, manfaat, benda, harta, urusan, keperluan, makna atau pengertian, cara, larangan dan harga. Walau bagaimanapun, huraian Gonda (1952:51) dan de Casparis (1997:10) menunjukkan bahawa pelbagai makna tersebut berpusat pada tiga pengertian utama iaitu makna (*meaning*), tujuan (*purpose*) dan nilai (*value*). Ketiga-tiga pengertian ini memperlihatkan bahawa *artha* tidak sekadar merujuk pengetahuan tentang sesuatu, tetapi juga kepada kesedaran terhadap tujuan dan nilai yang terkandung di dalamnya. Latar etimologi ini menunjukkan bahawa perkataan *reti* mewarisi medan makna yang lebih luas daripada sekadar pengetahuan tentang sesuatu.

Sehubungan dengan itu, dalam konteks kebudayaan Melayu, *reti* bukan sahaja merujuk penguasaan pengetahuan, malah turut melibatkan keupayaan memahami makna, tujuan dan nilai sesuatu perkara.

Tuntasnya, apabila dipadankan dengan perkataan bahasa, ungkapan *reti bahasa* tidak lagi terbatas pada penguasaan struktur atau fungsi bahasa semata-mata. Sebaliknya, ungkapan tersebut juga membawa pengertian seseorang yang memahami makna tersurat dan tersirat di sebalik tanda bahasa (*linguistic sign*), menyedari penggunaannya dan menghayati nilai yang terkandung dalam lakuan berbahasa. Dengan erti kata lain, *reti bahasa* bukan sekadar mengetahui cara bahasa berfungsi sebagai suatu sistem tanda, tetapi turut mencakupi kesedaran terhadap adab dan tanggungjawab moral sewaktu menggunakannya. Oleh sebab itu, konsep *reti bahasa* menghubungkan bahasa dengan pemikiran, perlakuan dan pembentukan akhlak penutur serta keharmonian berbahasa.

Berlainan dengan *reti bahasa*, konsep *tahu bahasa* yang dihuraikan oleh Hassan (2016) lebih menumpukan kepada penguasaan pengetahuan kebahasaan yang tersimpan dalam kognitif. *Reti bahasa* sebaliknya memperluas konsep tersebut dengan menggabungkan dimensi makna, tujuan dan nilai dalam satu kerangka yang menyeluruh. Hujah ini dapat diperkukuh pula dengan bukti sosiolinguistik. Dalam pelbagai dialek Melayu, umpamanya dialek Melayu Ulu Pahang (Mohd Tarmizi, 2022a), ungkapan seperti “*kamu reti bahasa ke tidak?*” ataupun “*tak reti bahasakah?*” lazimnya tidak ditujukan kepada seseorang yang gagal mematuhi aturan tatabahasa atau tidak memahami mesej yang cuba disampaikan dalam lakuan bahasa. Herdikan atau teguran tersebut sebaliknya merujuk kepada kelemahan dari segi adab, tingkah laku dan cara seseorang menggunakan bahasa dalam konteks sosial. Hal ini menunjukkan bahawa konsep *reti bahasa* dalam kebudayaan Melayu sememangnya menautkan penguasaan bahasa dengan pemikiran, perlakuan dan cara pemeran dalam lawan bicara menggunakan bahasa.

Huraian yang ditampilkan ini secara jelas menunjukkan bahawa konsep *reti bahasa* bukan sekadar menggantikan konsep *tahu bahasa* yang dikemukakan oleh Hassan Ahmad, tetapi memperluaskannya ke dalam lapangan semantik yang bertautan, sekali gus terangkum. Berasaskan kepada tiga pengertian teras *artha* iaitu makna, tujuan dan nilai, *reti bahasa* menyatukan dimensi tatabahasa, tatafikir, tatalaku dan tataberbahasa ke dalam suatu kerangka yang lebih menyeluruh bagi memahami hubungan antara bahasa, pemikiran dan perlakuan manusia sewaktu bahasa digunakan.

Persoalannya, mengapakah kerangka yang dibina diberikan gelaran sebagai *reti bahasa*? Ada dua sebab istilah tersebut menjadi gelarnya. Pertama, dalam Kebudayaan Melayu terdapat ungkapan *reti/tak reti bahasa* seperti dalam contoh yang diberikan sebelum ini. Ungkapan tersebut lazimnya digunakan dalam konteks bagi merujuk kepada seseorang yang tidak tahu adab dan tidak tahu berbahasa dengan baik. Maksudnya ialah *reti/tak reti bahasa* adalah berkait

dengan penggunaan bahasa dan kemolekan akhlak sekali gus. Kedua, menurut huraian Maier (2004), pengertian ‘bahasa’ dalam Kebudayaan Melayu dan Malayonesia tidak hanya mengenai tatabahasa tetapi turut melibatkan aspek tataberbahasa dan perilaku yang beradab. Dua sebab yang dinyatakan jelas menunjukkan bahawa ‘bahasa’ mencakupi penguasaan bahasa dan adab. Maka, kedua-dua mestilah menjadi tujahan ilmu linguistik bahasa Melayu beracuan watan yang bakal dibangunkan nanti di bawah payung falsafah *reti bahasa*. Ada dua andaian penting yang perlu dinyatakan, iaitu:

- i. Kebudayaan Melayu dan Malayonesia sememangnya memiliki tradisi atau warisan linguistik yang tersendiri, yang berbeza pula dengan tradisi atau warisan linguistik yang terdapat dalam kebudayaan lain. Kewujudan tradisi berkenaan menghala kepada suatu keperluan untuk menerbitkan sebuah kerangka khususnya bagi menangani segala permasalahan dalam historiografi dan linguistik bahasa Melayu secara adil dan saksama, selain berdaya menerbitkan linguistik Melayu beracuan sendiri yang mengambil kira aspek tatabahasa (sistem dan struktur bahasa) dan tataberbahasa (pragmatik dan pembentukan adab) sekali gus.
- ii. Kebudayaan Melayu dan Malayonesia tidak memiliki tradisi linguistik yang tersendiri. Tradisi linguistik yang wujud dalam kebudayaan ini ialah tradisi linguistik yang berupa penerusan daripada tradisi linguistik Arab dan tradisi linguistik Barat. Dengan erti kata lain, dalam kebudayaan Melayu dan Malayonesia, ilmu linguistik tidak pernah wujud sebagai entiti yang mandiri, sebaliknya tertekap akibat penyerapan daripada kebudayaan lain. Justeru segala persoalan yang terkait dengan penjelasan dan huraian mengenainya memerlukan kerangka yang diterbitkan daripada kebudayaan yang mempengaruhinya.

Namun begitu, persoalan yang harus difikirkan ialah:

- i. wujudkah ilmu linguistik bahasa Melayu beracuan sendiri? Jika wujud, apakah ketulenannya jikalau dibandingkan dengan linguistik moden dan kontemporari?;
- ii. bagaimanakah rupa wajah linguistik bahasa Melayu yang dikatakan beracuan sendiri dan tulen itu, dan adakah rupa wajahnya tersebut berdaya untuk menerbitkan linguistik yang ‘tidak biasa’, dalam maksud berakar pada kebudayaan asli di dunia Malayonesia?; dan,
- iii. adakah linguistik yang ‘tidak biasa’ itu berupaya pula disintesisikan bagi membina sebuah kerangka historiografi yang di dalamnya terkandung dasar

falsafah, teori dan metodologi untuk mengkaji tradisi atau warisan linguistik bahasa Melayu yang beracuan sendiri

Maka, hasrat makalah ini adalah untuk:

- i. mempermasalahkan linguistik bahasa Melayu sebagai warisan keilmuan yang sedia ada menerusi perbandingan dengan linguistik moden dan kontemporari bagi mengenal pasti sebuah tradisi linguistik yang beracuan sendiri;
- ii. merekonstruksi maksud istilah ‘bahasa’ dan ungkapan *reti bahasa* yang difahami dalam kebudayaan Malayonesia sebagai pijakan bagi menerbitkan linguistik bahasa Melayu beracuan sendiri; dan,
- iii. membina kerangka historiografi berasaskan *reti bahasa* yang berpotensi sebagai alat mengkaji warisan linguistik bahasa Melayu dan seterusnya mengkritik ilmu linguistik kontemporari sebagai langkah awal penginovasian linguistik yang sedia ada supaya cakna tentang ilmu yang bernuansa peribumi.

MENOLEH WARISAN KEILMUAN LINGUISTIK BAHASA MELAYU

Di manakah harus memulakan penyiasatan tentang persoalan tersebut? Untuk peringkat awal, memadai dengan hanya menurunkan sederetan kajian yang ada kena-mengena dengan mauduk makalah ini. Sorotan karya yang dimaksudkan dipecahkan kepada dua bahagian utama yang kelihatan terpisah, tetapi saling berhubungan erat. Bahagian pertama ialah sorotan tentang kajian historiografi warisan linguistik dan bahasa Melayu; manakala, bahagian kedua pula merupakan sorotan terhadap karya-karya yang menyentuh perihal pengislaman ilmu dan pemeribumian ilmu.

Tidak dapat dinafikan bahawa kajian tentang historiografi warisan linguistik dan bahasa Melayu sememangnya menarik untuk ditelaah dengan teliti disebabkan perkaitannya dengan pembangunan atur cara penyelidikan (*research programme*) linguistik bahasa Melayu secara umum termasuklah historiografi. Berkaitan dengan ehwal ini, kajian historiografi warisan linguistik dan bahasa Melayu dapat dipisahkan kepada dua mauduk utama. Mauduk pertama ialah kajian-kajian yang membincangkan perihal persejarahan bahasa Melayu itu sendiri. Mauduk yang kedua pula merujuk sejarah dan perkembangan idea dan pemikiran linguistik. Kajian-kajian mengenai persejarahan bahasa Melayu merangkumi pula dua cabang, iaitu linguistik sejarawi dan sejarah bahasa. Linguistik sejarawi ialah kajian-kajian yang cuba merungkai isu evolusi bahasa dengan membina semula bentuk purba yang diandaikan menjadi induk kepada bahasa dan dialek semasa. Daripada bentuk purba, kajian jenis tersebut tiba pada suatu kesimpulan mengenai hubungan bahasa dan dialek yang terlibat bagi menjawab soalan adakah bahasa dan dialek berkenaan memperlihatkan hubungan

segenetik atau sebaliknya. Antara kajian linguistik sejarawi yang penting ialah Brandstetter (Blust, 2013), Dempwolff (Blust, 2013), Dahl (1973/1977, 1981, 1991), Nothofer (1976), Adelaar (1992) dan Blust (1977, 1988, 2013).

Kajian-kajian mengenai sejarah bahasa pula banyak menumpukan pada perihai perkembangan bahasa Melayu yang lazimnya tanpa melibatkan kaedah linguistik sejarawi, iaitu rekonstruksi dan pengelasan. Tumpuan kajian tersebut adalah perbincangan mengenai perkembangan bahasa dengan menerapkan kaedah penzamanan. Umpamanya ialah Teeuw (1959) yang membahagikan perkembangan bahasa Melayu kepada bahasa Melayu kuno, klasik, moden dan pascamoden. Pada kebiasaannya ialah kaedah penzamanan seperti inilah yang banyak digunakan oleh pengkaji dalam mencerap perkembangan bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana kewujudan asas falsafah yang merantaikannya, yakni faham yang digelar oleh Popper (edisi pertama terbit pada 1957) sebagai sejarahisme (*historicisme*) yang maksud kasarnya ialah setiap perubahan zaman menandakan anjakan daripada zaman sebelumnya; dan anjakan ini sangat fundamental sehingga hubungan dengan zaman sebelumnya sangat tipis. Yang menjadi perbezaan dalam kajian-kajian tersebut ialah istilah yang digunakan bagi memaksudkan setiap zaman. Ada yang kekal mengikut Teeuw, yang barangkali berakar pada Winstedt (1950) mengenai sejarah kesusasteraan Melayu, seperti Ismail (1984), Nik Safiah *et al.* (edisi pertama terbit pada 1986) dan Nik Safiah (2010). Ada juga yang menggunakan istilah yang berbeza seperti Collins (2016, 2018) dan Amin (2011).

Kajian-kajian historiografi linguistik Melayu walaupun tidak banyak tetapi kewujudannya masih tetap terasa. Antara yang terawal menimbulkan gesaan supaya cabang linguistik ini wajar disemarakkan di Nusantara ialah Harimurti (1979). Gesaan beliau itu bukanlah bermakna sebelumnya langsung tidak pernah ada kajian-kajian historiografi linguistik. Survei yang dilakukan oleh Teeuw (1961) umpamanya boleh digolongkan sebagai kajian historiografi kerana di dalamnya terkandung perbincangan ringkas mengenai idea-idea linguistik yang ada pada waktu itu. Walau bagaimanapun, perbincangan Teeuw masihlah belum berdaya untuk dicakupkan ke dalam historiografi secara utuh. Hal ini dikatakan demikian kerana ketika beliau menulis survei tersebut cabang linguistik yang ini masih belum mendapat pasak yang kemas dari segi falsafah, teori dan metodologi; dan ia kekal demikian sehinggalah Koerner (1973) menulis disertasi kedoktoran beliau dan seterusnya mengembangkan sebuah cabang linguistik yang digelar sebagai *linguistic historiography*.

Maka, gesaan Harimurti sebenarnya sejajar dengan perkembangan grafisejarah linguistik di Barat. Soalnya, adakah yang menyambut gesaan Harimurti? Tentunya ada. Harimurti (1991, 1999) sendiri pernah melakukan beberapa kajian mengenai karya-karya tatabahasa Melayu pada abad ke-17. Begitu juga dengan Collins (1991, 1992a, 1992b, 1995, 1996, 2004, 2006), yang menulis mengenai karya tatabahasa Melayu terawal yang dikarang oleh Johannes Romans.

Pelajar Collins, iaitu Karim, pula melanjutkan gesaan Harimurti dengan lebih terperinci lagi. Hal ini terbukti menerusi disertasi kedoktoran beliau yang mengkaji tiga buah karya tatabahasa Melayu abad ke-17 yang dikarang oleh Frederick de Houtman, Sebastian Dankearts dan Johannes Roman (Karim, 2006). Serentak dengan disertasi itu, Karim juga ada menerbitkan deretan makalah dalam jurnal tempatan, antaranya Karim (2003, 2012). Dan yang terbaharu, beliau menerbitkan buku yang juga membincangkan sejarah linguistik Melayu abad ke-17 dan ke-18 (Karim, 2017). Raja Masittah (2010) juga tidak ketinggalan dalam menulis mengenai aspek kecil grafisejarah linguistik Melayu dengan memberikan tumpuan khusus kepada tokoh-tokoh dan sumbangannya.

Kajian-kajian yang dinyatakan itu hampir semuanya menarik satu kesimpulan bahawa pemerian tatabahasa Melayu pada abad ke-17 dan ke-18 dipengaruhi oleh struktur bahasa Latin dan bahasa Belanda. Kesimpulan inilah yang cuba diuji oleh Mohd Tarmizi (2025). Pengujian tersebut bertolak daripada beberapa pertanyaan yang berkaitan, iaitu: (i) jikalau pemerian tatabahasa Melayu pada abad ke-17 dan ke-18 yang dilakukan oleh orang Eropah dipengaruhi oleh bahasa-bahasa Eropah, bagaimanakah pula dengan pemerian tatabahasa Melayu pada abad selepas yang dilakukan oleh penahu watan?; (ii) adakah para penahu watan berkenaan hanya menggunakan kerangka pemerian yang berasaskan paradigma bahasa yang lebih dominan, bahasa Arab dan bahasa Inggeris khususnya?; dan, (iii) atau yang sebenarnya para penahu watan cuba menerbitkan kaedah pemerian sendiri tanpa melibatkan pengaruh paradigma bahasa lain? Mohd Tarmizi (2025) berpandangan bahawa kewujudan pengaruh linguistik Arab dan Barat masih lagi ditekankan. Walau bagaimanapun, pengaruh tersebut mulai sirna, dengan sedikit ketulenan terpercik di sana sini khususnya dalam beberapa karya misalnya yang dikarang oleh Sheikh Ahmad al-Fathani, Said Sulaiman dan Abdullah Abdur Rahman termasuk Za'ba.

Yang dikemukakan dalam kupasan di atas ialah kajian terhadap tatabahasa. Bagaimanakah pula dengan karya lain? Perkamusan perlu juga diketengahkan di sini oleh sebab data mengenainya sangat banyak, yang bermula daripada daftar kata Yan Ling ketika hubungan damai antara Kesultanan Melaka dengan Dinasti Ming, daftar Pigafetta yang dikumpul ketika pelayaran Ferdinand Megallen sampailah kepada kamus cemerlang Wilkinson. Kajian terhadap daftar kata Yan Ling boleh dilihat dalam Liang Liji (2009) dan Collins (2018). Kajian terhadap daftar kata Pigafetta pula antara lainnya boleh diperhatikan dalam Collins (1996). Yang agak menariknya ialah kajian terhadap kamus Melayu-Inggeris terawal yang disusun oleh Thomas Bowrey yang agak banyak, bermula dengan Rahim (1997, 1998), dan yang terbaharunya ialah Nor Azizah (2019) dengan disertasi kedoktoran beliau di Universiti Frankfurt.

Jikalau diperhatikan dengan saksama, semua yang disorot yang ditampilkan di sini masih belum berdaya menyembulkan warisan linguistik bahasa Melayu

yang beracuan sendiri. Buktinya ialah kesimpulan yang ditarik adalah sejajar, yakni linguistik Melayu ialah penerusan tradisi linguistik bahasa lain. Penerusan tersebut terjadi akibat iklim idea atau pertembungan selain kolonialisme. Walau bagaimanapun, jikalau dinilai dengan lebih kritis, kesimpulan yang diambil mengenai penerusan dan penyerapan agak berlebih-lebihan. Sebenarnya, kalau sejarah dan tradisi linguistik Melayu dianalisis menggunakan kerangka yang lebih adil, maka kita pasti akan beroleh maklumat mengenai kewujudan satu tradisi linguistik yang khas dan berpotensi untuk dikembangkan dengan lebih lanjut. Kerangka yang dimaksudkan inilah yang perlu dibangunkan. Soalnya, bagaimanakah membangunkannya? Pertanyaan ini membawa kita merantau ke danau pengislaman dan pemeribumian ilmu. Dalam upaya kajian yang dicadangkan di sini untuk tiba kepada penerbitan kerangka historiografi linguistik bahasa Melayu beracuan sendiri, maka mahu tidak mahu bahagian sorotan perlu meninjau perdebatan dalam isu pengislaman dan pemeribumian ilmu. Dengan tolehan seperti ini, kita beroleh maklum mengenai ada atau tidak sebarang usaha untuk melihat linguistik dengan cara lain, yakni cara yang lebih dekat dengan sistem nilai dan kebudayaan sendiri.

Premis utama pengislaman dan pemeribumian ilmu ialah sebarang ilmu tidak pernah bersifat neutral sebaliknya dicorak oleh 'nilai' yang dianuti oleh penerbit ilmu berkenaan. Disebabkan ilmu moden akarnya di Barat, maka apa-apa ilmu yang diterbitkan di sana pasti membawa sistem nilai dan kebudayaan Barat. Sememangnya perspektif universalisme tidak pernah ada dalam ilmu. Yang ada hanyalah perspektif partikularisme, yakni ilmu-ilmu yang sarat nilai. Jadi, kita juga perlu menerbitkan ilmu yang sarat dengan nilai kita. Yang menariknya ialah hujah pengislaman dan pemeribumian ilmu bukan sekadar beruang dalam dimensi falsafah tetapi didasarkan pada hujah dan bukti konkrit. Dalam hal ini kita wajib menoleh kepada kegiatan yang dilakukan oleh Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI) menerusi sarjana ulungnya, Shaharir Mohamad Zain. Shaharir telah membuktikan dalam banyak kajian bahawa fizik, matematik dan ekonomi Barat memang sarat dengan nilai Barat. Untuk disesuaikan dengan Muslim, kita perlu mengislamkan dan memperibumikannya. Menerusi karya beliau tentang ilmu kepemimpinan dan kepengurusan Melayu sebagai contohnya, Shaharir menyembulkan perbezaan konsepsi 'pemimpin' dan 'pengurus' antara Malayonesia-Islam dengan Barat, lalu menerbitkan ilmu kepemimpinan dan kepengurusan Malayonesia yang baharu dan bitara yang berasaskan aksiom yang ringkas tetapi menyeluruh (Shaharir, 2010c). Dalam ilmu fizik kuantum (Shaharir, 2011) dan fizik kosmologi, kosmogeni dan kosmogenesis (Shaharir, 2014) pun demikian juga, dan yang terbaharu ialah dalam ilmu mantik. Berkait dengan ilmu yang terakhir ini, Shaharir (2019) menegaskan bahawa mantik klasik dan moden memberikan cabaran yang sangat besar kepada Muslim lantas menuntut kita untuk menceraip ilmu ini menurut kebudayaan kita.

Bagaimanakah pula dengan linguistik, adakah yang berusaha menyambut seruan pengislaman dan pemeribumian ilmu? Setakat ini hanya Syeed (1986) dan Munif (2015). Syeed (1986) dalam makalah ringkas beliau sememangnya ada menggesa para linguis Muslim untuk mengislamkan linguistik. Namun begitu sangat malang sekali apabila gesaan beliau itu tidak sampai kepada kritikan dan inovasi terhadap falsafah, teori dan metodologi linguistik yang sedia ada. Beliau sebaliknya lebih memerihalkan saling-hubungan bahasa-bahasa umat Islam yang mesti berpangkal pada bahasa Arab. Demikian juga dengan Awang (2016) yang lebih banyak mengkritik falsafah linguistik moden yang diasaskan atas lahan evolusionisme naturalisme, rasionalisme dan empirikisme. Kecenderungan seperti ini juga terpantul dalam karya Hashim (2006) yang sekadar memerikan aliran falsafah bahasa yang mesra Islam khususnya falsafah bahasa bernuansa Attasian. Awang dan Hashim bagaimanapun juga tidak menyertakan kritikan tersebut dengan usaha bagi menerbitkan linguistik alternatif yang berbasiskan pandangan dunia Islam. Munif (2015) juga seakan-akan senada dengan Awang khususnya dari segi penekanan terhadap falsafah bahasa yang dicungkil daripada al-Qur'an. Cuma Munif (2015, 2025) lebih terperinci berbanding dengan Awang (2016) apabila beliau cuba menerapkan dasar falsafah tersebut dalam beberapa penyelidikan linguistik yang empirik yang digelar sebagai linguistik ketauhidan. Walau bagaimanapun, Munif (2015, 2025) juga tidak sampai pada tahap mengkritik linguistik moden dengan lebih bitara, yakni dengan menjadikan unsur-unsur peribumi sebagai paksi kritikan. Soalan asasnyalah bagaimanakah melaksanakan kajian yang dibangkitkan dalam tulisan ini? Tiga perkara yang dibincangkan dalam bahagian metodologi ialah kerangka teoretis, sumber cuplikan data dan kaedah analisis.

ATUR CARA PENYELIDIKAN HISTORIOGRAFI LINGUISTIK BAHASA MELAYU BERPAKSIKAN RETI BAHASA

Kupasan yang ditampilkan menunjukkan adanya keperluan mendesak untuk membangunkan kerangka historiografi bagi mengkaji dan mengesahkan kewujudan linguistik bahasa Melayu sebagai warisan keilmuan yang mandiri. Maka, bahagian ini melanjutkan perbincangan yang menghala ke arah kemungkinan pembinaannya. Kupasan juga memberikan bayangan bahawa untuk meneroka *reti bahasa* sebagai kerangka historiografi linguistik Melayu, yang diperlukan ialah penerapan gagasan pemeribumian ilmu. Perlu diingat juga bahawa fakta yang sebenarnya ialah pemeribumian ilmu bukanlah sebuah teori, sebaliknya lebih merujuk kepada gagasan atau sudut pandang. Walaupun demikian sifatnya, pemeribumian ilmu juga berdaya menjadi kerangka teoretis justeru memainkan peranan penting dalam penerbitan ilmu lama dan baharu yang lebih cakna kebudayaan sendiri. Oleh sebab makalah ini bermaksud menerbitkan kerangka

historiografi bagi meneliti warisan linguistik bahasa Melayu yang beracuan sendiri, dengan kerangkanya digelar sebagai *reti bahasa*, maka penerapan gagasan pemeribumian ilmu merupakan hal yang terjustifikasi dengan sendirinya.

Pemeribumian ilmu yang pertama mulanya diperkenalkan oleh Shaharir (antaranya Shaharir, 2010b, 2012, 2015, 2019) adalah kembangan langsung daripada gagasan yang lebih awal dan sarat dengan perdebatan falsafah, iaitu pengislaman ilmu (Nasr, 2010; al-Attas, 2005). Jika pengislaman ilmu melihat ilmu dari perspektif yang lebih luas yakni meliputi seluruh ummah yang disatukan oleh kalimah tauhid, pemeribumian ilmu sebaliknya lebih kecil cakupannya kerana bersifat watan, yakni Melayu-Islam. Pemadanan istilah ‘Melayu’ dan ‘Islam’ bertujuan untuk melibatkan keseluruhan peradaban Melayu sejak animisme, Hindu-Buddha, Islam dan kontemporari. Mengikut pemeribumian ilmu, sesuatu ilmu baharu yang diterbitkan ataupun ilmu lama yang diinovasikan semula lazimnya melalui beberapa tahap: perungkaian semantik, perbandingan, kritikan dan penerbitan ilmu baharu (Shaharir, 2010a, 2015).

Perungkaian semantik menerusi penelusuran etimologi merupakan tahap yang paling asas dalam pemeribumian ilmu. Perungkaian semantik diperlukan bagi menjawab pertanyaan adakah ilmu dan fenomena yang terkandung dalam kebudayaan kita berbeza dan/atau sama dengan ilmu dan fenomena yang ada dalam kebudayaan lain? Jawapan kepada pertanyaan ini lebih bitara jikalau diserlahkan menerusi penjejakan etimologi. Dalam kaedah tersebut, sesebuah istilah yang diandaikan membawa bagasi ilmu perlu dicarikan padanannya dengan istilah asli bahasa sendiri bukannya istilah serapan atau pinjaman (Shaharir, 2014). Jika istilah asli berkenaan ditemui, makna yang dimilikinya hendaklah diserlahkan dan diberikan nuansa konseptualnya. Begitu juga dengan istilah yang merujuk kepada ilmu dan/atau fenomena yang terdapat dalam bahasa asal sesuatu ilmu atau fenomena itu diterbitkan, hendaklah juga dijejak aspek etimologinya supaya dimensi makna yang merangkumi aspek sinkronik dan diakronik dapat diserlahkan.

Kaedah penjejakan etimologi diperkuat pula dengan lapangan semantik (Izutsu, 2004; al-Attas, 1970). Lapangan semantik merujuk kepada sekelompok istilah atau perkataan yang memiliki makna yang saling berhubungan. Dalam sekelompok istilah berkenaan terdapat satu atau dua istilah yang mendukung makna teras, yang menunjukkan semua makna terbitan saling menuju ke arahnya. Maksudnya ialah makna teras yang terdapat dalam sesebuah istilah ini berada di pusat, dan daripadanya lahirlah istilah dan perkataan lain. Dalam konteks makalah ini, yang dipermasalahan ialah makna ‘bahasa’. Menerusi kaedah lapangan semantik, semua perkataan yang mempunyai hubungan dengan ‘bahasa’ diumpukkan dalam sebuah lapangan dan dimensi semantiknya akan diperi dan direkonstruksi bagasi makna konseptualnya.

Setelah istilah dan makna aslinya diserlahkan menerusi etimologi dan lapangan semantik, yang dikerjakan selanjutnya ialah perbandingan. Maksudnya ialah istilah

dan makna asli bahasa sendiri dibandingkan dengan istilah dan makna asli dalam bahasa yang menerbitkan sesuatu ilmu. Tujuan perbandingan adalah untuk mencari persamaan dan perbezaan dengan penekanan terhadap yang kedua. Falsafah yang mendasari tahap perbandingan ialah kenisbian linguistik (*linguistic relativity*), yakni bahasa yang berbeza menerbitkan pencerapan dan pemahaman tentang dunia yang turut juga berbeza (Leavitt, 2011). Dalam hal ini, persamaan bererti tiada apa-apa yang perlu ditonjolkan; sebaliknya, jikalau berbeza, dan pastinya akan berbeza, maka sesuatu yang bitara bakal muncul.

Kemunculan yang bitara itu adalah menerusi tahap kritikan. Maksudnya ialah perbezaan dalam makna istilah ilmu membolehkannya menjadi senjata kritik yang sangat ampuh. Jikalau ditinjau kepada sejarah linguistik, maka pengakuan Ferdinand de Saussure patut menarik minat kita. Menurut penulis biografi intelektual Saussure yang cemerlang iaitu John E. Joseph (2012), Saussure menyatakan pada awal *Cours*, bahawa para pendahulunya di Leipzig tidak pernah mempersoalkan objek kajian linguistik, yakni makna ‘bahasa’ itu sendiri. Saussure sebaliknya bergulat dengan persoalan tersebut. Baginya, soalan yang paling asasi untuk ditanyakan ialah apakah objek kajian linguistik. Pertanyaan tersebut langsung dijawab bahawa objek kajian linguistik ialah ‘bahasa.’ Akan tetapi, apakah pula yang dimaksudkan dengan ‘bahasa’? Di sini para guru Saussure di Leipzig tidak menampilkan jawapan. Saussure dengan berpedoman kepada bahasa Perancis menerbitkan tiga istilah dan konsep ‘bahasa’, yakni *langue*, *langage* dan *parole*. Ketiga-tiganya merujuk kepada ontologi ‘bahasa’ yang berlainan justeru sepatutnya menjadi objek kajian linguistik. Persoalannya ialah apakah makna ‘bahasa’ dalam kebudayaan Melayu-Islam atau Malayonesia?

KERANGKA HISTORIOGRAFI PERIBUMI

Analisis perlu ditumpukan kepada usaha membina semula makna yang dinaungi oleh konsep ‘bahasa’ seperti yang difahami menurut Kebudayaan Melayu-Islam atau Malayonesia sebagai langkah awal menukulkan paradigma watan dalam warisan linguistik bahasa Melayu. Usaha pembinaan semula makna ‘bahasa’ tersebut merujuk perungkai etimologi dan semantik terhadap istilah ‘bahasa’ agar berupaya menjelmakan wawasan tentang hakikat makna yang dikandunginya, dan semua ini dilakukan dengan berpedoman kepada Maier (2004). Bagi mencapai tujuan tersebut, tatacara pengoperasiannya analisisnya adalah seperti yang berikut:

- i. Tumpuan analisis hanyalah terhadap perkataan asli bahasa Melayu dan bahasa-bahasa yang serumpun yang mendukung makna yang sama dengan makna ‘bahasa’. Ertinya ialah hanya perkataan asli daripada bahasa Melayu dan bahasa-bahasa serumpun yang diberikan keutamaan analisis. Sebagai contoh, kata-kata yang berkognat dengan ‘bahasa’ seperti *cakap*, *bual*, *tutur*,

pelat, telor, diam dan lidah dianalisis aspek etimologi dan semantik bagi menggeneralisasikan maknanya.

- ii. Setiap perkataan yang berkongsi lapangan semantik dengan kata ‘bahasa’ tersebut akan dikeluarkan, dan difahami maksudnya menerusi konteksnya. Selain itu, aspek etimologi makna setiap satunya akan ditonjolkan. Makna yang terbina daripada analisis membolehkan penyahbinaan dan pembinaan semula untuk disintesiskan supaya suatu wawasan mengenai konsepnya yang cocok dengan kebudayaan Melayu dapat dibina dengan sempurna.

Hasil (i) dan (ii) dilawankan dengan makna ‘bahasa’ daripada bahasa-bahasa lain seperti, antara lainnya, ‘*language*’, ‘*langue-langage-parole*’, ‘*sprach-sprache*’, ‘*logos*’, ‘*lingua*’, ‘*lughah-lisan-bayan*’ dan lain-lainnya. Perbezaan yang muncul dijelmakan. Hal ini dikatakan demikian kerana hanya perbezaan yang berdaya menunjukkan ketulenan faham ‘bahasa’ justeru membolehkan kerangka historiografi linguistik dibangunkan.

Analisis yang perlu diterapkan ialah analisis teks (*textual analysis*) yang disandarkan pada teori semantik (lapangan semantik dan etimologi), selain diikat oleh acuan pemeribumian ilmu. Yang dimaksudkan dengan pendekatan sebegini ialah penerapan kegiatan menelaah teks secara dekat (*close reading*) bagi membolehkan penyungkilan maklumat yang relevan. Lalu, maklumat berkenaan dibedah dengan teori semantik. Setelah itu membandingkannya (persamaan dan perbezaan dengan penekanan pada perbezaan) untuk menyerlahkan ketulenan seperti yang digariskan menurut acuan pemeribumian ilmu. Karya nahu yang dikarang oleh bahasawan watan memberikan bayangan tentang keberadaan suatu kerangka ilmu yang mendasari kerja-buat linguistik bagi memerikan struktur nahu bahasa Melayu. Walaupun kerangka berkenaan tidak dinyatakan secara nyata, namun penerapannya dalam karya-karya tersebut begitu terasa sekali khususnya tentang tujuan dan matlamat akhir pemerian sistem nahu sesuatu bahasa. Berkaitan dengan perkara ini, apabila karya-karya nahu tersebut ditelaah secara rinci, dapat dikesan keberadaan empat unsur penting yang mengikat kerja-buat pemerian nahu bahasa Melayu. Empat teras yang dimaksudkan ialah tatabahasa, tataberbahasa, tatalaku dan tatafikir, seperti yang dinyatakan secara ringkas dalam kupasan sebelum ini.

Pada hemat bahasawan watan, menguasai nahu bahasa Melayu dan seterusnya menggunakannya dalam lisan dan tulisan, bererti menjelmakan kefahaman yang jelas tentang hakikat bahasa yang sebenarnya. Kupasan Maier (2004) tentang lapangan semantik yang mengorbit istilah ‘bahasa’ begitu menepati hakikat yang dimaksudkan ini. Menurut Maier dalam karyanya itu, ‘bahasa’ yang dihayati dalam kebudayaan Melayu-Islam tidak sekadar merujuk kepada struktur nahu dan sistem linguistik, tetapi mencakupi perihal kemolekan akhlak, kesempurnaan berfikir

dan keindahan berbahasa. Makna tersebut turut diserlahkan dalam pertuturan harian masyarakat Melayu justeru menerbitkan ungkapan seperti “reti/tak reti bahasa” yang tidak sekadar bermaksud “tidak faham bahasa” tetapi “sikap atau perilaku elok/tidak elok yang ditonjolkan oleh seseorang.” Kupasan Maier tentang makna ‘bahasa’ dan kewujudan ungkapan yang berkaitan dengannya mendorong makalah ini untuk merumuskan suatu kerangka falsafah bahasa, dan seterusnya kerangka linguistik, bahasa Melayu yang diistilahkan sebagai *reti bahasa*.

Seperti yang telahpun dikupas, dari segi istilah, *reti* ialah bentuk metatesis daripada *erti* atau *mengerti*, yang juga dikaitkan dengan makna *tahu*, tetapi turut memiliki dimensi makna yang berlainan terutama menurut kupasan Hassan (2016). Maka, *reti bahasa* memiliki makna yang bertindak dengan *tahu bahasa*. Perindihan yang dimaksudkan ialah *reti* atau *tahu* di sini bukan sekadar tentang struktur dan sistem linguistik, tetapi meliputi makna lain yang mengorbit hakikat bahasa, iaitu kebudayaan, akhlak dan pemikiran. Membangunkan *reti bahasa* sebagai kerangka falsafah bahasa dan linguistik untuk bahasa Melayu jelas membayangkan suatu potensi yang bitara mencakupi teori dan tatakaedah sekali gus. *Reti bahasa* dibentuk oleh empat teras iaitu tatabahasa, tataberbahasa, tatafikir dan tatalaku. Secara ringkas, makna setiap teras ini adalah seperti berikut:

- i. *Tatabahasa* yang merujuk kegiatan pemerian struktur dan sistem linguistik yang dimiliki oleh sesuatu bahasa. Tujuannya adalah untuk merungkai unsur asasi sesuatu bahasa mencakupi inti perkataan dan pembentukannya serta inti kalimat, pembentukan dan keterkaitan antara tataletak dengan makna.
- ii. *Tataberbahasa* yang merujuk kepada penggunaan tatabahasa dalam lisan dan tulisan secara benar menurut konteksnya.
- iii. *Tatafikir* yang merupakan natijah pemerian tatabahasa dan cara bahasa digunakan ialah penjelmaan pemikiran yang lurus, sama ada dari segi tatabahasa, cara penggunaan yang tepat mahupun hubungan mantik antara perkataan dan kalimat.
- iv. *Tatalaku* yang merupakan natijah penguasaan tatabahasa, tataberbahasa serta tatafikir yang sempurna justeru memantulkan akhlak yang baik dan molek sejajar dengan makna reti bahasa itu sendiri.

KESIMPULAN

Berpandukan kepada Mohd Tarmizi (2025), makalah ini berusaha menampilkan konsep *reti bahasa* sebagai mencakupi empat teras, iaitu *tatabahasa*, *tataberbahasa*, *tatafikir* dan *tatalaku* untuk menilai potensinya bagi membentuk kerangka

historiografi watan. Sememangnya diyakini bahawa keterikatan keempat-empat teras tersebut dalam membina kerangka falsafah bahasa Melayu dan falsafah linguistik bahasa Melayu membayangkan *reti bahasa* sebagai ungkapan yang memiliki konsep yang bersifat terangkum (holistik) kerana mencakupi semua elemen dalaman dan luaran bahasa manusia justeru menerbitkan kerangka historiografi bagi meneliti dan menilai warisan linguistik bahasa Melayu dengan lebih adil dan saksama. Selain itu, keterangkuman *reti bahasa* juga terserlah kerana berdaya menautkan unsur teknik linguistik (iaitu, tatabahasa dan tataberbahasa) dengan unsur psikologis, falsafah dan badani (iaitu, tatafikir dan tatalaku). Keterangkuman menunjukkan *reti bahasa* mempunyai potensi besar untuk diserlahkan sebagai teras falsafah yang mendasari pewujudan warisan keilmuan linguistik bahasa Melayu. Sebagai teras falsafah, *reti bahasa* berupaya menerbitkan sekurang-kurangnya empat tujuan, iaitu:

- i. Tujuan pertama ialah *reti bahasa* berupaya digunakan sebagai kerangka umum untuk menjelaskan mekanisme penggunaan bahasa yang berpunca daripada kewujudan peraturan/hukum atau struktur abstrak yang menerbitkan fakta linguistik yang konkrit.
- ii. Tujuan kedua pula berhubungan dengan matlamat pemerian bahasa yang melangkaui penjelasan struktur abstrak dengan fakta linguistik konkrit kerana perlu tiba pada penjelasan mengenai hubungan struktur dan fakta linguistik dengan pengetahuan lakuanannya (tindak-tutur atau *speech acts*).
- iii. Tujuan ketiga merujuk matlamat pemerian bahasa yang perlu juga untuk tiba pada perungkaian mengenai perkaitan antara struktur dan fakta linguistik konkrit dengan akal dan kesedaran akhlakiah penuturnya seperti yang menjadi semangat aliran Herder, Humboldt, Sapir dan Whorf.
- iv. Tujuan keempat ialah maksud dan tujuan pemerian bahasa bukan sekadar mengenai struktur dan fakta linguistik konkrit, tetapi pengaruhnya dalam membentuk pemikiran yang rasional (berteraskan struktur linguistik yang sejagat) dan akhlak yang elok (berteraskan sistem nilai dan agama yang diyakini justeru bersifat bijagat).

Secara ringkas, makalah ini berusaha sedaya upaya membincangkan dan merumuskan *reti bahasa* sebagai falsafah, konsep dan alat analisis yang mendasari kerja-buat linguistik bahasa Melayu. *Reti bahasa* juga turut dirumuskan sebagai dasar ampuh yang menunjangi warisan linguistik bahasa Melayu. Sebagai suatu kerangka falsafah dan kerangka konseptual, makalah ini bermula dengan menilai ungkapan dan konsep *tahu bahasa* yang dikemukakan oleh Hassan Ahmad

(2016) sebagai sandaran utama. Walaupun ungkapan tersebut dihuraikan sebagai merangkumi fungsi sosial dan fungsi adat, namun ia ternyata mengabaikan dua lagi fungsi penting, iaitu fungsi akhlak dan fungsi pemikiran. Disebabkan kekurangan tersebut, maka makalah ini menggantikan ungkapan *tahu bahasa* kepada *reti bahasa* yang ditafsirkan sebagai mengandungi empat fungsi utama, iaitu sosial, adat, akhlak dan pemikiran. Empat fungsi tersebut kemudiannya diumpukkan di bawah empat teras yang melingkungi *reti bahasa*, iaitu *tatabahasa*, *tataberbahasa*, *tatalaku* dan *tatafikir*.

Sebagai alat analisis pula, makalah ini mencadangkan agar *reti bahasa* diangkat sebagai kerangka teoretis dan metodologi untuk melakukan penelitian historiografi bagi memahami kerja-buat pemerian bahasa dalam warisan linguistik bahasa Melayu. Selain itu, kerangka teoretis dan metodologi tersebut juga berupaya menyerlahkan ketulenan warisan linguistik bahasa Melayu sejak dahulu hingga kini. Walau bagaimanapun, makalah ini masih lagi bertaraf pemaparan, yakni memaparkan rumusan *reti bahasa* dan kemungkinan gerak kerjanya dalam kegiatan pemerian bahasa. Yang masih belum diketengahkan dalam makalah ini ialah suatu kerangka formal dan sistematik yang didasarkan pada falsafah *reti bahasa*. Seandainya kerangka yang dimaksudkan berjaya dijelmakan dengan sempurna, maka pertanyaan selanjutnya ialah apakah pula perbezaannya dengan kerangka historiografi lain yang sedia ada dalam linguistik moden? Sudah tentunya persoalan ini tetap tinggal sebagai persoalan sehinggalah kerangkanya dapat dirumuskan, dan ini akan dikemukakan dalam beberapa siri penerbitan akan datang yang berkaitan dengan tema tersebut.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan School of Philosophy, Psychology and Language Sciences, University of Edinburgh, atas peluang yang diberikan untuk menjalankan penyelidikan pascakedoktoran dengan kajian bertajuk *Reti Bahasa: A Framework for Malay Language Philosophy* di bawah bimbingan Prof. Dr. John E.n.l. Joseph bagi tempoh 1 Disember 2025 hingga 31 Oktober 2026. Penghargaan juga ditujukan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka atas dana di bawah skim Karyawan Tamu Dewan bagi kajian yang serupa dari 1 Disember 2025 hingga 30 November 2027.

SUMBANGAN PENGARANG

Selaku penulis tunggal, pengarang bertanggungjawab terhadap seluruh penulisan makalah ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERISYTIHARAAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Aarsleff, H. (1970). The history of linguistics and Professor Chomsky. *Language* 46(3), 570–585.
- Adelaar, K. A. (1992). Proto-Malayic: the reconstructions of phonology and parts of its morphology and lexicon. Pacific Linguistics series. The Australia National University.
- Amin Sweeney. (2011). Puncak gunung es: Kelisanan dan keberaksaraan dalam budaya Melayu-Indonesia. PT Gramedia.
- Awang Sariyan. (2010). *Asas falsafah dan pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blust, R. (1977). The Proto-Austronesian pronouns and Austronesian subgrouping: A preliminary report. *WPL*, 9(2), 1–15.
- Blust, R. (1988). Malay historical linguistics: A progress report. Dlm. Mohd. Thani Ahmad and Zaini Mohamed Zain (Pnyt.), *Rekonstruksi dan cabang-cabang bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blust, R. (2013). The Austronesian languages. *Canberra: Pacific Linguistics (PL 602). Edisi kedua*. The Australia National University.
- Collins, J. T., & Hans Schmidt. (1992). Bahasa Melayu di Pulau Ternate: Maklumat tahun 1599. *Jurnal Dewan Bahasa*, 292–327.
- Collins, J. T., & Karim Harun. (2023). *Bahasa Melayu abad ke-17: Dokumentasi Eropah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (1991). The Malay of the oldest grammar: Dialectology and internal evidence. *Jurnal Linguistik*, 5, 72–82.
- Collins, J. T. (1992). Studying seventeenth-century Ambonese Malay: evidence from F. Caron Sermons (1693). *Cakalele*, 3, 99–122.
- Collins, J. T. (1995). Der orientalische-indianische kunst-und lust gartner: An early German contribution to Malay dialect studies. Dlm. Rauch dan Moore (Pnyt.), *Across the ocean: Studies from east to west in honor of Richard K. Seymour* (hlm. 151–166). University of Hawai'i.
- Collins, J. T. (1996). *Khazanah dialek Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1996a). Bahasa Melayu abad ke-17: Ciri-ciri sosiolinguistik. *Jurnal Dewan Bahasa*, 5, 388–398.
- Collins, J. T. (2004). A book and a chapter in the history of Malay: Browerius' Genesis (1697) and Ambonese Malay. *Archipel*, 67, 77–127.
- Collins, J. T. (2016a). *Mukadimah ilmu etimologi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (2016b). *Wibawa bahasa: kepaiawaian dan kepelbagaian*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Collins, J. T. (2018). *Malay, world language: A short history*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dahl, O. C. (1977). *Proto-Austronesian. Scandinavian Institute of Asian Studies monograph series*. Curzon Press.
- Dahl, O. C. (1981). *Early phonetic and phonemic changes in Austronesian*. Universitets for laget.
- Dahl, O. C. (1991). *Migration from Kalimantan to Madagascar*. Aschehoug AS.
- de Casparis, J. G. (Pnyt.). (1997). Sanskrit-loan-words in Indonesia: An annotated check-list of words from Sanskrit in Indonesia and traditional Malay. *Nusa*, 41. Universitas Katolik Indonesia Atma Jaya. <http://sealang.net/archives/nusa/pdf/nusa-v41.pdf>
- Gonda, J. (1952). *Sanskrit in Indonesia*. International Academy of Indian Culture. https://archive.org/details/ZGTs_sanskrit-in-indonesia-by-j.-gonda-1952-nagpur-international-academy-of-indian-culture/page/n5/mode/2up
- Harimurti Kridalaksana. (1979). *Suatu rintisan dalam historiografi linguistik Indonesia*. Masyarakat Linguistik Indonesia.
- Harimurti Kridalaksana. (1991). Awal tradisi gramatika Eropa di Indonesia: pembagian kelas kata dalam bahasa Melayu oleh Joannes Roman. Dlm. Harimurti Kridalaksana (Pnyt.), *Masa Lampau Bahasa Indonesia: Sebuah Bunga Rampai* (hlm. 2–10). Penerbit Kanisius.
- Harimurti Kridalaksana. (1999). Data bahasa dalam gramatika Joannes Roman (1653). [Kertas kerja] Kongres Linguistik Nasional 1999, Masyarakat Linguistik Indonesia, Jakarta (hlm. 28–31).
- Hashim Musa. (1999). *Sejarah perkembangan tulisan Jawi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2005). *Pengenalan kepada Bustan al-Katibin*. Yayasan Karyawan.
- Hashim Musa. (2006). *Pengantar falsafah bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Izutsu, Toshihiko. (2004). *Ethico-religious concept in the Qur'an*. Islamic Book Trust.
- Karim Harun. (2003). Spieghele vande Maleysche tale sebagai karya leksikografi. Dlm. Lily Suratminto dan M. Holil (Pnyt.), *Rintisan kajian leksikologi dan leksikografi* (hlm. 230–237). Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya, Universitas Indonesia.
- Karim Harun. (2006). *Sejarah linguistik: tiga nahu Melayu abad ke-17*. [Tesis doktor falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Karim Harun. (2012). Bahasa Melayu bahasa universal. Dlm. Rahim Aman (Pnyt.), *Bahasa Melayu Bahasa Universal*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Karim Harun. (2017). *Nahu bahasa Melayu abad ke-17*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koerner, E. F. K. (1978). *Towards a Historiography of Linguistics: Selected Essay (Studies in the History of the Language Sciences)*. John Benjamin.
- Koerner, E. F. K. (1989). *Practicing linguistic historiography*. John Benjamins.
- Kuhn, Thomas. (2000). *Struktur revolusi sains*. Terj. Shaharir Mohamad Zain. Cetakan ke-2. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Le Goff, J. (2014). *Must we divide history into periods?* Columbia University Press.
- Leavitt, John. (2011). *Linguistic relativities: language diversity and modern thought*. Cambridge University Press.
- Liang Liji. (2009). *Lembaran sejarah gemilang: hubungan empayar Melaka-dinasti Ming abad ke-15*. Cetakan ke-2. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Linehan, W. (1949). The earliest word-lists and dictionaries of the Malay Language. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 22(1), 183–187.
- Maier, H. (2004). *We are playing relatives: a survey of Malay writing*. Brill.

- Mashudi Kader. (2009). Some aspect of seventeenth century Malay via Thomas Bowrey's bilingual dictionary published in 1701. *Jurnal Kemanusiaan*, 16, 83–114.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2019). Mengerti bahasa. *Dlm Dewan Bahasa*, keluaran Februari: hlm. 34–37.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2022). *Ratib bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2025). *Warisan linguistik bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Monier-Willims, M. (1872). A Sanskrit-English dictionary, etymologically and philologically arranged, with special reference to Greek, Latin, Gothic, German, Anglo-Saxon, and other cognate Indo-European languages. Oxford Clarendon Press. <https://archive.org/details/1872sanskriten00moniuoft/page/82/mode/2up>
- Munif Zarirruddin Fikri Nordin. (2015). *Dimensi agama dalam bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Munif Zarirruddin Fikri Nordin. (2024). Bahasa dan agama menurut falsafah analitik British: RESPON linguistik Melayu. *Dlm Melayu Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 15(1), 49–68. 10.37052/jm.15(1)no3
- Munif Zarirruddin Fikri Nordin. (2025). *Bahasa agama dalam falsafah: Makna dan interpretasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (2010). *Panorama bahasa Melayu sepanjang zaman*. Penerbit Universiti Malaya.
- Nor Azizah Othman. (2019). Analisis entri “A” kamus Thomas Bowrey 1701. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 259–284.
- Nothofer, B. (1975). The reconstruction of Proto-Malayo-Javanic. *Verhandelingen van het Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde*, 73. Nijhoff.
- Rahim Aman. (1997). Bahasa Melayu abad ke-17: Satu sorotan terhadap kamus Bowrey. *Jurnal Dewan Bahasa*, 14(10), 882–889.
- Rahim Aman. (1998). Orang Melayu abad ke-17: Kajian lanjutan kosa kata arkaik, morfologi dan perubahan makna kamus Bowrey. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40(1), 1022–1033.
- Sayyid Muhammad Syeed. (1986). Islamization of linguistics. *American journal of Islamic social sciences*, 3(1), 77–87.
- Seyyed Hossein Nasr. (2010). *Pengenalan kepada doktrin kosmologi Islam*. Terj. Baharuddin Ahmad. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaharir Mohamad Zain (2011). *Kritikan teori kenisbian & teori quantum*. Akademi Sains Islam Malaysia.
- Shaharir Mohamad Zain (2014a). Bahasa penemu ilmu. *Kesturi*, 24(2), 119–137.
- Shaharir Mohamad Zain. (2010b). Tabii kaedah sains. *Kesturi*, 20(1), 124–142.
- Shaharir Mohamad Zain. (2010c). *Pembinaan semula teori kepengurusan dan kepemimpinan Alam Melayu*. Penerbit UMT.
- Shaharir Mohamad Zain. (2012). *Berakhir sudahkan ilmu dalam acuan sendiri? Pusat Dialog Peradaban*, Universiti Malaya.
- Shaharir Mohamad Zain. (2014). *Kritikan teori kejadian alam semesta*. Penerbit Universiti Malaya.
- Shaharir Mohamad Zain. (2015). *Unsur etnosains Malayonesia dalam bahasa Melayu sejak Abad ke-5 Masehi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaharir Mohamad Zain. (2019). *Cabaran mantik kepada Muslim*. Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.
- Steiner, G. (2012). *The poetry of thought*. New Directions.
- Sueren, Pieter A. M. (1998). *Western linguistics: An historical introduction*. Blackwell Publishing.

- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). *The mysticism of Hamzah Fansuri*. University Malaya Press.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2005). *Islam and secularism*. International Islamic Thoughts and Civilisation (ISTAC).
- Teeuw, A. (1959). The history of the Malay language: A preliminary survey. *BKI*, 115, 138–156.
- Teeuw, A. (1961). A critical survey of studies on Malay and bahasa Indonesia. Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde. Bibliographical Series, 5. 's-Gravenhage: Martinus Nijhoff.
- Wan Mohd Saghir. (2005). *Syeikh Ahmad al-Fathani: Pemikir agung Melayu dan Islam*. (Jilid 2). Khazanah Fathaniyah.
- Winstedt R.O. (1969). *A History of classical Malay literature*. Oxford University Press.